

02/08/1998

PM kesal sikap Barat

Radzi Wahab

SEPANG: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kesal dengan sikap Barat yang tidak membantu negara membangun di Afrika walaupun pemimpin mereka kini menunjukkan perubahan sikap dengan memberi lebih tumpuan kepada pembangunan dan taraf hidup rakyat.

Menurut Perdana Menteri, Barat dan negara maju lain sebaliknya lebih berminat terhadap isu seperti kebebasan, ketelusan dan ekonomi terbuka di samping merebut kekayaan daripada menolong pemimpin berkenaan membangunkan negara mereka.

"Barat seperti tidak ingin melihat negara Afrika stabil dan maju apabila langsung tidak menghiraukan mereka.

"Mereka hanya tahu menghentam kerajaan ini tak baik, kerajaan itu tak baik dan tidak mengiktiraf perubahan sikap pemimpin Afrika yang kini lebih memberi fokus terhadap pembangunan ekonomi negara dan rakyat mereka," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini semalam.

Bercakap dalam sidang akhbar sekembalinya daripada lawatan seminggu ke Afrika Selatan, Namibia dan Mozambique, Dr Mahathir berkata, beliau dapati sikap pemimpin Afrika sekarang berbeza daripada dahulu kerana mereka bukan lagi `diktator yang gila kuasa dan hanya berminat untuk memperkayakan diri sendiri'.

"Sebaliknya, mereka adalah generasi baru pemimpin Afrika yang berminat membangunkan negara dan menyediakan kehidupan lebih baik kepada rakyat mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, perubahan sikap pemimpin negara membangun Afrika itu jelas ketara sewaktu beliau menemui mereka ketika menyampaikan ucapnama di Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) di Namibia.

Selain menyampaikan ucapnama, Dr Mahathir juga bercakap mengenai krisis kewangan Asia dan ekonomi Malaysia dalam majlis dialog yang disertai 14 negara Afrika itu.

Justeru, Dr Mahathir berkata, sikap Barat yang menyerang mata wang Afrika Selatan, rand walaupun negara itu tidak begitu maju, menyebabkan negara membangun Afrika yang kini mempunyai persamaan dengan rantau ini, melihat dengan penuh kebimbangan apa yang berlaku di negara Asia Tenggara dan Asia Timur.

Serangan Barat itu menyebabkan nilai rand kini turun sebanyak 30 peratus dan sekali gus mendorong negara berdekatan menurunkan nilai mata wang mereka untuk membolehkan mereka bersaing dengan Afrika Selatan.

Mengenai pengalaman Malaysia, Perdana Menteri berkata, kebanyakan pemimpin Afrika turut tertarik dengan pendekatan perkongsian pintar yang diamalkan oleh negara ini kerana ia memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak.

Menurut Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin berkenaan turut berminat dengan cara Malaysia mengagihkan kekayaan di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera bagi memastikan kesejahteraan rakyat.

Sehubungan itu, katanya, mereka ingin melihat usahawan negara ini aktif dalam bidang pelaburan dan mengutamakan pembabitian Malaysia dalam pembangunan ekonomi mereka, terutama melalui pembukaan bank.

"Afrika menghadapi masalah penyertaan kulit hitam dalam bidang ekonomi, terutama sektor perbankan dan lantaran itu mengalu-alukan kesanggupan Malaysia berkerjasama dengan mereka," katanya.

(END)

